

[KOLUMNIS] Benderaku koyak rabak: Cerminan patriotisme superfisial?



Nor Afandy Hamid
24/08/2025 | 19:30 MYT



Semangat patriotisme ditunjukkan melalui pemasangan bendera, tetapi kerap kali mengabaikan pemeliharaan, menjadikan patriotisme kelihatan superfisial dan berfokus pada kuantiti, bukan kualiti. -Gambar fail/Bernama

SETIAP kali Ogos menjelang, hati rakyat Malaysia pasti tersentuh. Di kiri kanan jalan raya, di bangunan kerajaan dan swasta, malah di halaman rumah persendirian, Jalur Gemilang berkibar megah.

Ada yang memasang di kereta, ada yang menghiasi kedai, malah ada yang menjadikan bendera sebagai perhiasan utama sepanjang Bulan Kebangsaan.

Ringkasan AI

- Kecuaian terhadap bendera: Bendera Malaysia yang koyak dan lusuh sering dibiarkan berkibar, mencerminkan sikap kurang prihatin terhadap simbol negara berbanding isu pemasangan terbalik yang lebih diperdebatkan.
- Patriotisme yang salah arah: Semangat patriotisme rakyat Malaysia ditunjukkan melalui pemasangan bendera, tetapi kerap kali mengabaikan pemeliharaan, menjadikan patriotisme kelihatan superfisial dan berfokus pada kuantiti, bukan kualiti.
- Kepentingan pendidikan dan tindakan: Mengembalikan protokol bendera seperti zaman sekolah dahulu dan melancarkan kempen kesedaran nasional dapat memupuk patriotisme sejati melalui penghormatan dan penjagaan simbol negara.

Semuanya dilakukan dengan satu tujuan – untuk menzahirkan kecintaan kepada tanah air yang kita kongsi bersama.

Namun, di sebalik kegemilangan warna merah, putih, biru dan kuning itu, saya sering termenung melihat sisi lain yang jarang dibicarakan.

Benderaku yang koyak rabak. Bendera lusuh yang dibiarkan terus berkibar, warnanya pudar dimamah hujan dan panas, tepinya carik digigit angin, dan akhirnya menjadi lambang kecuaiannya kita sendiri.



Ketika media dan masyarakat sibuk membincangkan kontroversi pemasangan bendera terbalik yang mungkin tidak disengajakan, kita terlepas pandang kepada isu yang lebih mendalam dan sistematik: pengabaian terhadap simbol negara yang kita dakwa cintai.

Bendera Malaysia yang kita banggakan hari ini bukan sekadar kain berwarna, tetapi lambang kedaulatan, perpaduan dan sejarah perjuangan bangsa.

Rekaan hasil cetusan idea anak muda bernama Mohamed Hamzah, seorang arkitek dari Johor pada 1947, akhirnya dipilih sebagai Bendera Persekutuan Tanah Melayu.

Apabila Malaysia terbentuk pada 1963, reka bentuk itu disesuaikan, termasuk dengan penambahan jalur dan bintang pecah 14, dan dijenamakan semula pada era 1990-an sebagai 'Jalur Gemilang'.

Nama ini bukan sekadar untuk bunyi yang sedap didengar, tetapi untuk mewujudkan hubungan emosi yang lebih kuat antara rakyat dengan bendera negara. 'Gemilang' membawa konotasi kecemerlangan, kebanggaan, kehormatan.

Baru-baru ini, media sosial dan arus perdana dihebohkan dengan kes-kes pemasangan bendera Malaysia secara terbalik.

Reaksi masyarakat bercampur-campur. Ada yang marah, ada yang menegur dengan hemah, ada yang menganggapnya sebagai kecuai biasa.

Dari perspektif undang-undang, Akta Lambang Kebesaran, Bendera dan Lagu Kebangsaan 1963 memang menggariskan peraturan tentang penggunaan bendera yang betul. Pelanggaran boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Tetapi soalnya: adakah pemasangan terbalik yang mungkin tidak disengajakan ini lebih serius daripada membiarkan bendera koyak rabak terpasang berbulan-bulan lamanya?

Dari perspektif sosial, isu bendera terbalik menunjukkan tahap kesedaran masyarakat tentang protokol bendera yang masih rendah. Ini adalah masalah pendidikan yang perlu diatasi dengan pendekatan konstruktif, bukan sekadar kecaman.

Tetapi dari perspektif yang lebih luas, penulis berpendapat bahawa isu pemasangan bendera terbalik hanyalah 'hutan' yang mengalih perhatian kita daripada 'pokok' yang sebenar - iaitu budaya mengabaikan bendera yang sudah dipasang.

Kebelakangan ini, masyarakat Malaysia seolah-olah berlumba-lumba untuk menunjukkan patriotisme melalui pemasangan bendera.

Semakin lama bendera dipasang, semakin 'patriotik' seseorang itu dianggap. Ini telah mewujudkan mentaliti yang keliru - bahawa patriotisme diukur dengan kuantiti dan tempoh pemasangan, bukan kualiti penghormatan.

Fenomena 'terpaling patriotik' ini boleh dilihat di mana-mana. Ada yang memasang bendera sejak awal Januari dan membiarkannya hingga Disember penghujung tahun.

Ada yang memasang puluhan bendera kecil di hadapan rumah, kemudian membiarkannya lusuh satu persatu. Ada yang bangga dengan bendera yang 'tidak pernah diturunkan', walaupun bendera itu sudah tidak seperti bendera yang sebenar.

Keghairahan untuk menunjukkan patriotisme ini sebenarnya menunjukkan sesuatu yang positif - rakyat Malaysia memang cintakan negara. Tetapi cara pelaksanaannya yang salah telah mengubah patriotisme menjadi sekadar demonstrasi kosong.

Bagi mereka yang bersekolah pada era 1980-an dan 1990-an, pasti ingat akan rutin harian yang tidak pernah terlepas: upacara bendera.

Setiap pagi sebelum sesi persekolahan bermula, pelajar-pelajar akan berhimpun untuk menyaksikan bendera dinaikkan dengan penuh khidmat. Ketua pengawas atau pelajar terpilih akan menarik tali dengan perlahan, dan bendera akan naik sambil semua yang hadir menyanyikan lagu 'Negaraku' dengan penuh perasaan.

Yang lebih penting lagi, setiap petang sebelum sekolah tamat, bendera akan diturunkan dengan protokol yang sama. Ia akan dilipat dengan kemas dan disimpan di tempat yang selamat, terlindung dari hujan dan panas.

Esok paginya, bendera yang sama akan dinaikkan semula - dalam keadaan bersih, kemas, dan dihormati. Inilah yang penulis panggil sebagai 'piawaian emas' pengendalian bendera.

Kanak-kanak tidak hanya belajar untuk menghormati bendera melalui lagu dan janji setia, tetapi melalui tindakan konkrit menjaganya. Mereka belajar bahawa menghormati bendera bermakna memastikan ia sentiasa dalam keadaan baik, bukan sekadar memasangnya dan melupakannya.

Sistem ini mengajar nilai-nilai penting: tanggungjawab, konsistensi, dan penghormatan melalui tindakan. Kanak-kanak faham bahawa patriotisme bukan sekadar perasaan, tetapi komitmen untuk menjaga apa yang kita sayangi.

Bandingkan dengan apa yang berlaku hari ini. Berapa banyak sekolah yang masih menjalankan protokol ini dengan ketat? Berapa banyak kanak-kanak yang tahu bahawa bendera perlu diturunkan dan disimpan dengan betul?

Kebanyakan kanak-kanak hari ini melihat bendera sebagai sesuatu yang sentiasa ada, sentiasa terpasang, dan tidak perlu dijaga dengan istimewa.

Berdasarkan pemerhatian penulis dalam perjalanan harian, keadaan bendera-bendera Malaysia di seluruh negara adalah mengecewakan.

Di kawasan perumahan, bendera-bendera kecil yang dipasang sempena kempen pilihan raya masih tergantung berbulan-bulan kemudian, warnanya pudar dan sebahagiannya tercabik.

Di premis perniagaan, bendera besar dipasang dengan bangga pada awal tahun, tetapi dibiarkan sehingga akhir tahun dalam keadaan yang menyedihkan.

Yang lebih menyedihkan, di beberapa kawasan, bendera-bendera yang sudah tidak dapat diselamatkan lagi masih terpasang, seolah-olah pemiliknya buta dengan keadaan simbol negara yang mereka 'hormati'.

Kadang-kadang, hanya tinggal sebahagian kecil bendera yang masih melekat pada tiang, sementara bahagian lain sudah tercabik dan terbang entah ke mana.



Pemandangan ini bukan sahaja memalukan, tetapi juga menyampaikan mesej yang salah kepada generasi muda.

Anak-anak yang melihat bendera koyak ini akan belajar bahawa tidak mengapa untuk mengabaikan simbol negara. Mereka akan belajar bahawa patriotisme hanyalah tentang pemasangan, bukan pemeliharaan.

Lebih teruk lagi, pelancong yang datang ke Malaysia akan mendapat tanggapan yang salah tentang tahap penghormatan rakyat Malaysia terhadap negara mereka sendiri.

Negara-negara maju seperti Singapura, Amerika Syarikat, dan Kanada mempunyai protokol yang sangat ketat tentang pengendalian bendera negara. Bendera yang rosak akan diganti dengan segera, dan terdapat undang-undang yang melarang penggunaan bendera yang tidak layak dipamerkan.

Ini membawa kita kepada persoalan etika yang penting: adakah membiarkan bendera koyak rabak terpasang berbulan-bulan lamanya sama seriusnya dengan memasang bendera secara terbalik yang mungkin tidak disengajakan?

Dari sudut niat, pemasangan bendera terbalik berkemungkinan besar adalah kecuai atau kejahilan. Tidak ramai rakyat Malaysia yang sengaja mahu menghina negara dengan memasang bendera terbalik.

Sebaliknya, membiarkan bendera koyak terpasang menunjukkan sikap tidak peduli yang berterusan. Ia menunjukkan bahawa seseorang itu tidak ambil berat tentang keadaan simbol negara yang mereka dakwa hormati.

Dari sudut impak visual, bendera koyak lebih merosakkan imej negara daripada bendera terbalik. Bendera terbalik mungkin tidak disedari oleh ramai orang, tetapi bendera koyak adalah sesuatu yang jelas dan menyakitkan mata.

Ia menyampaikan mesej bahawa Malaysia adalah negara yang tidak menjaga simbol-simbolnya dengan baik.

Dari sudut pendidikan, bendera koyak mengajar generasi muda bahawa tidak mengapa untuk mengabaikan tanggungjawab setelah 'menunjukkan' patriotisme. Ini adalah pelajaran yang berbahaya untuk masa depan negara.

Oleh itu, penulis berpendapat bahawa isu bendera koyak adalah lebih serius daripada isu bendera terbalik, walaupun kedua-duanya perlu diatasi.

Jika trend ini berterusan, apakah akan berlaku kepada budaya patriotisme Malaysia dalam 20 atau 30 tahun akan datang?

Generasi yang akan datang mungkin akan melihat patriotisme sebagai sesuatu yang superfisial - cukup sekadar tunjuk, tidak perlu jaga.

Nilai-nilai seperti tanggungjawab, konsistensi, dan kesungguhan akan terhakis. Lebih teruk lagi, mereka mungkin akan kehilangan rasa hormat yang mendalam terhadap simbol-simbol negara.

Bendera mungkin akan dilihat sebagai sekadar hiasan bermusim, bukan sebagai representasi agung negara dan bangsa.

Untuk mengatasi masalah ini, diperlukan pendekatan holistik yang melibatkan kerajaan, masyarakat awam, sektor swasta, dan setiap individu. Kerajaan perlu melancarkan kempen kesedaran nasional tentang protokol bendera yang betul.

Kempen ini tidak boleh sekadar menyampaikan peraturan, tetapi mesti menjelaskan mengapa protokol ini penting. Rakyat perlu faham bahawa menjaga bendera adalah manifestasi konkrit patriotisme sejati.

Bayangkan sebuah Malaysia di mana setiap bendera yang berkibar adalah dalam keadaan sempurna - bersih, terang, utuh.

Bayangkan generasi akan datang yang memahami bahawa patriotisme sejati terletak pada tindakan yang konsisten, bukan demonstrasi yang kosong.

Bayangkan pelancong dari seluruh dunia yang kagum dengan tahap penghormatan rakyat Malaysia terhadap simbol negara mereka.

Bayangkan Malaysia yang dikenali bukan sahaja sebagai negara yang cintakan bendera, tetapi negara yang tahu menjaga apa yang mereka cintai.

Ini bukan sekadar mimpi. Ia boleh menjadi kenyataan jika kita sanggup mengubah pendekatan kita terhadap patriotisme dari sekadar 'showing' kepada 'caring', dari sekadar 'displaying' kepada 'maintaining'.

Bendera yang koyak rabak bukan sekadar masalah estetik - ia adalah simptom kepada masalah yang lebih besar dalam budaya patriotisme kita. Ia menunjukkan bahawa kita lebih mementingkan persembahan daripada komitmen, lebih suka menunjukkan daripada menjaga.

Ketika kita terlalu fokus membincangkan isu-isu kecil seperti pemasangan bendera terbalik yang mungkin tidak disengajakan, kita terlepas pandang kepada isu yang lebih asas dan utama: bagaimana kita menghormati simbol negara dalam kehidupan seharian.



Piawaian emas yang pernah diamalkan di sekolah-sekolah dahulu perlu dihidupkan semula. Kanak-kanak perlu belajar bahawa menghormati bendera bermakna menjaganya dengan baik, bukan sekadar memasangnya. Mereka perlu faham bahawa patriotisme adalah komitmen jangka panjang, bukan demonstrasi satu-satu masa.

Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, marilah kita mulakan perubahan dari diri sendiri. Periksa bendera di rumah kita hari ini.

Jika ia sudah tidak layak, gantilah. Jika ia masih baik, jagalah dengan baik. Ajarlah anak-anak anda bahawa Jalur Gemilang perlu diperlakukan dengan penuh kehormatan.

Benderaku mungkin koyak rabak hari ini, tetapi dengan kesedaran dan tindakan kolektif, esok kita boleh memastikan setiap Jalur Gemilang berkibar dengan bangga dan bermartabat. Kerana bendera yang dijaga dengan baik melambangkan rakyat yang benar-benar menghormati negara mereka.

Dan ingatlah selalu – ‘koyak di kain boleh dijahit, tetapi koyak di jiwa patriotisme yang susah dipulihkan’. Semoga renungan ini dapat membuka mata kita semua untuk menjadi patriot yang sejati – yang tidak sekadar tahu menunjukkan cinta, tetapi juga tahu menjaga apa yang dicintai.

Selamat menyambut ulang tahun Hari Kemerdekaan yang ke-68, ‘Malaysia Madani: Rakyat Disantuni’. Semoga Jalur Gemilang sentiasa gemilang di hati dan tindakan kita semua.

Nor Afandy Hamid ialah Pensyarah Kanan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu.

Penulisan artikel ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Astro AWANI.